

**SOALAN NO: 118**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: YB DATUK LIANG TECK MENG**

**SOALAN:**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah statistik terkini kadar pengangguran oleh graduan lepasan kolej dan universiti tempatan. Apakah bentuk rangsangan yang dilaksanakan kepada graduan lepasan sastera dan pengurusan memandangkan fokus lebih tertumpu kepada lepasan bidang profesional dan teknikal.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Kajian *Tracer Study* yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, kadar pengangguran graduan lepasan kolej dan universiti tempatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak 25 peratus iaitu seramai 53,282 graduan seperti di Jadual 1.

2. Bagi Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), kadar pengangguran adalah 12.8 peratus iaitu seramai 27,249 graduan manakala kadar pengangguran Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah 8.6 peratus iaitu seramai 18,332 graduan, kadar pengangguran graduan di peringkat kolej adalah sebanyak 3.6 peratus iaitu seramai 7,701 graduan.
3. Kerajaan sentiasa prihatin mengenai isu pengangguran di kalangan graduan di negara ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan *Graduate Employability Blueprint* (GEB), 2012-2017 pada penghujung tahun 2012 yang memberi tumpuan untuk memperkuatkan kebolehpasaran graduan serta memperincikan isu-isu kebolehdapatan kerja di kalangan graduan.
4. Dalam perkara ini, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet 2013 pada 28 September 2012 telah mengumumkan penubuhan *Graduate Employability Taskforce (GET)* dengan peruntukan sebanyak RM200 juta, bagi memantapkan lagi pelaksanaan Program Kebolehpasaran Graduan. GET dipengerusikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).
5. Sebagai usaha bersepada pihak Kerajaan dalam menangani masalah kebolehdapatan kerja graduan, empat Jawatankuasa Kerja

yang diterajui oleh pelbagai Kementerian/ agensi ditubuhkan di bawah GET bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan GEB. Empat Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Awam yang dipengerusikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
- b) Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Swasta yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia;
- c) Jawatankuasa Kerja Perancang dan Penyelaras Program *Graduate Employability* yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancang ekonomi; dan
- d) Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome Intervensi Kebolehdapatan Kerja* Graduan yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU).

Tuan Yang Di Pertua,

6. Di samping itu, bagi membantu graduan mendapatkan pekerjaan, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah mewujudkan Skim *Future Workers Training* (Skim FWT) pada tahun

2011 sebagai satu bentuk rangsangan yang dilaksanakan bagi mengurangkan kadar pengangguran dikalangan graduan. Objektif utama skim ini adalah untuk membolehkan majikan berdaftar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) mendapat bantuan kewangan bagi melatih bakal pekerja dari kalangan graduan dan lepasan sekolah dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan oleh syarikat mereka sebelum diserap sebagai pekerja tetap.

7. Latihan di bawah Skim FWT ini akan dijalankan sama ada secara latihan *on-the-job* yang dikendalikan oleh pengajar dalaman syarikat atau program umum yang dikendalikan oleh penyedia latihan yang dilantik. Pendedahan graduan atau lepasan sekolah kepada latihan ini akan membolehkan mereka mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pekerjaan sebenar dan spesifik bagi membantu mereka menyesuaikan diri dengan cepat dalam suasana kerja yang sebenar.
8. Sehingga April 2015, jumlah pelatih yang telah mengikuti Skim FWT ini bagi sepanjang tempoh 2 tahun iaitu pada tahun 2014 dan 2015 adalah seramai 618 orang manakala bantuan kewangan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM11.2 juta.

**Jadual 1: Status Pekerjaan Graduan (Warganegara) Mengikut  
Jantina dan Jenis IPT, 2013**

JENIS IPT	Jantina	Belum Bekerja	
		Bil.	%
IPTA	Lelaki	8,230	3.8
	Perempuan	19,019	9.0
	<b>Jumlah</b>	<b>27,249</b>	<b>12.8</b>
IPTS	Lelaki	6,733	3.2
	Perempuan	11,599	5.4
	<b>Jumlah</b>	<b>18,332</b>	<b>8.6</b>
Kolej	Lelaki	3,677	1.7
	Perempuan	4,024	1.9
	<b>Jumlah</b>	<b>7,701</b>	<b>3.6</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>53,282</b>	<b>25.0</b>

Sumber: Kajian Pengesahan (Tracer Study), Kementerian Pendidikan Tinggi  
Tahun 2013